



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 12/1977**

**Rekod Pemberitahuan dalam Warta Berkaitan Dengan Tanah  
Di Sesebuah Daerah (Disemak 2007)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 12/1977**

**Rekod Pemberitahuan dalam Warta Berkaitan Dengan Tanah  
Di Sesebuah Daerah (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah mengenai keperluan mewujudkan dan menyelenggarakan rekod-rekod berasingan mengenai pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta yang melibatkan urusan tanah di dalam sesebuah daerah.

2. Setiap pejabat tanah perlu mengadakan dan menyelenggarakan rekod seperti di **Lampiran 'A'** untuk setiap jenis pemberitahuan seperti berikut:-

- (i) Pemberitahuan perizaban tanah di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965;
- (ii) Pemberitahuan Pengisytiharan kawasan sebagai tanah bandar atau tanah pekan di bawah seksyen 11 Kanun Tanah Negara 1965;
- (iii) Pemberitahuan Pengisytiharan kawasan yang ditetapkan (*designated area*), kawasan penempatan berkelompok (*group settlement area*), kawasan penempatan desa (*rural settlement area*) dan kawasan penempatan bandar (*urban settlement area*) di bawah seksyen-seksyen 3, 4, 5 dan 6 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960;
- (iv) Pemberitahuan Pengisytiharan kawasan sebagai rizab hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1987;
- (v) Pemberitahuan Pengisytiharan kawasan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah beberapa undang-undang berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (Akta Kerajaan Tempatan 1976);
- (vi) Pemberitahuan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pemuliharaan Tanah 1960;
- (vii) Pemberitahuan pengisytiharan sebagai kawasan sebagai rizab Melayu di bawah Enakmen Rizab Melayu negeri berkenaan;
- (viii) Pemberitahuan pengisytiharan sebagai kawasan sebagai kawasan orang asli atau rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954;
- (ix) Pemberitahuan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pengairan dan Saliran 1953;
- (x) Pemberitahuan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Kerja-kerja Saliran 1954; dan
- (xi) Pemberitahuan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Penanam Padi 1967.

Setiap daerah perlu mengadakan sebuah buku sahaja bagi tujuan merekodkan kesemua jenis pemberitahuan dalam warta tersebut di atas dan catatan hendaklah dibuat di bawah tajuk-tajuk seperti di atas (bilangan muka surat (ruangan) yang mencukupi hendaklah disediakan bagi setiap jenis pemberitahuan dalam warta). Fail-fail yang berasingan juga perlu disediakan bagi setiap jenis pemberitahuan dalam warta dan fail ini hendaklah mengandungi salinan-salinan pemberitahuan dalam warta itu.

3. Rekod pemberitahuan warta ini merupakan satu rujukan yang berguna dalam urusan pemberian milik tanah, pungutan cukai-cukai atau dalam menguatkuasakan tindakan-tindakan pemuliharaan tanah.

4. Pentadbir Tanah adalah dengan ini dinasihatkan supaya mewujudkan dan menyenggarakan rekod yang tersebut di atas dalam bentuk seperti di **Lampiran 'A'**.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

JENIS PEMBERITAHUAN : .....

Tarikh Warta	No. Warta	No. Pelan Warta	No. Syit Piawaian & tarikh ditanda dalam syit	Tempat (Bandar/Pekan/Mukim)	Luas	Tujuan	Hal-hal lain